

SK Likas juara Pesta Bola Sepak 2012

DE 22-10-2012 12

KOTA KINABALU: SK Likas meraih gelaran kategori bawah 12 di kejohanan sulung Pesta Bola Sepak Kanak-Kanak 2012 anjuran pusat sukan UMS yang berlangsung di Kompleks Sukan UMS pada Ahad.

Pasukan tersebut meneruskan aksi baik mereka selepas memenangi Piala Borneo baru-baru ini untuk menafikan TABS daripada menyapu bersih pertandingan itu dengan menewaskan pasukan 'A' mereka pada perlawanan akhir.

SK Likas "B" juga menduduki tempat ketiga di depan Kids Cobra FC.

Finalis yang kalah itu bagaimanapun, mendapat saguhati dengan menang anugerah pemain terbaik melalui Xavier X. Cico.

Pasukan dari TABS meraih gelaran dalam kategori

bawah 10 dan bawah 8 dengan pasukan mereka, TABS KK 'A' menamatkan saingan di depan Likas SK untuk mengambil tempat teratas dalam kategori bawah 10 diikuti Barcelona dan Chelsea.

Anugerah pemain terbaik dalam kategori itu dimenangi Mohd Azim Azizi Ridwan.

Kategori bawah 8 dimenangi TABS KK 'C', tempat kedua kepada TABS KK 'E' dan TABS "D" di tempat ketiga dengan Jubilo FC di tangga keempat manakala pemain terbaik dimenangi oleh Erwin.

Kumpulan kalah kategori bawah 12 dimenangi KidsBall diikuti Tunas Mengatal 'A', Tabs KK 'E' dan TABS Tuaran 'B'. Tiga teratas dalam kategori bawah 10 dimenangi TABS KK 'E', TABS KK 'B' dan

Real Madrid manakala pemenang bawah 8 ialah Manchester United, Real Madrid, TABS Tuaran dan Liverpool D.

Pengerusi penganjur dan pengarah Sukan UMS Mohd Asraaf Abdullah amat gembira dengan kejayaan acara itu.

Beliau berkata, kejohanan seperti itu sangat penting untuk pembangunan akar umbi dan ia juga membantu memenuhi ikrar Naib Canselor UMS Mohd Harun Bin Abdullah mengenai peranan mereka untuk menyumbang kepada komuniti melalui sukan.

Sejumlah 62 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan dua hari itu, yang ditaja oleh pakaian sukan Carino, dan Asraaf berada di majlis penutupan untuk menyampaikan semua hadiah. - **GL Oh**



PEMENANG bawah 12 bergambar di podium selepas penyampaian hadiah.